

Kerajaan tidak kompromi dalam isu keselamatan negara

Kerajaan tidak akan berkompromi dalam soal keselamatan negara, khususnya membabitkan penyeludupan di selatan tanah air sehingga membawa kepada penahanan lima pegawai kanan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Atas dasar itu Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menegaskan beliau sudah meminta Panglima Angkatan Ten-

tera Malaysia (ATM), Jeneral Tan Sri Mohd Nizam Jaafar, supaya menyiasat perkara terbabit secara serius.

Malah, beliau turut memberi jaminan akan membongkar sepenuhnya perkara terbabit.

“Menteri Pertahanan (Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin) juga ambil berat perkara ini. Semalam (kelmarin) menghadap Yang di-Pertuan Agong

(Sultan Ibrahim) dibangkitkan lagi perkara ini dan kita akan bongkar sepenuhnya kerana ini saya setuju. Ini soal keselamatan negara, tidak boleh berkompromi,” katanya semalam.

Beliau berkata demikian pada Waktu Pertanyaan Perdana Menteri menjawab soalan tambahan Ahmad Fadhli Shaari (PAS-Pasir Mas) yang mahu tahu, sama ada kerajaan ada me-

naik taraf indeks ancaman dengan memfokuskan kepada ancaman dari dalam.

Media sebelum ini melaporkan penahanan lima pegawai perisik tentera daripada Organisasi Perisikan Pertahanan Malaysia (MDIO) oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), sekali gus melumpuhkan sindiket penyeludupan didalangi pegawai kanan ATM ter-

babit yang beroperasi di selatan tanah air melalui Op Sohor.

Pada masa sama, Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak akan melindungi pihak yang menjual rahsia negara, malah mengakui hal itu satu perkara besar.

Beliau berkata, sekiranya kerajaan mula berkompromi khususnya pihak yang terbabit dalam badan risikan, itu satu malapetaka buat Malaysia.